## Dari BERANGAN ke KENYATAAN: Satu perjumpaan dengan YB. Nor Hafizah Othman

*oleh Rofiza Aboo Bakar*



*YB Nor Hafizah Othman duduk paling kiri. Duduk dari kanan ialah Puan Noor Laili, penulis dan PM Ts. Dr. Kay Dora. Berdiri dari kanan ialah Ts. Dr. Ikmal dan pembantu peribadi YB.*

Sebuah kunjungan hormat terhadap YB Permatang Berangan, YB Nor Hafizah Othman, telah dilakukan oleh delegasi UiTMCPP yang diketuai oleh Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI), Profesor Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani. Turut menyertai delegasi tersebut ialah penulis dan Puan Noor Laili Mohd. Yusuf dari APB, UiTMCPP. Kunjungan itu telah dibuat pada 18 Julai, 2022 dan perbincangan dua hala itu telah berlangsung selama kira-kira satu setengah jam.

Kunjungan ini diadakan secara khusus demi menyahut wawasan 'memasyarakatkan universiti' seperti yang telah digariskan oleh Naib Canselor UiTM, Datuk Profesor Dr. Roziah Janor baru-baru ini. Di dalam perbincangan tersebut, Timbalan Rektor PJI telah memperkenalkan UiTMCPP secara ringkas tetapi tuntas dengan membentangkan program-program akademik yang ditawarkan, jumlah para pensyarah dan kepakaran yang ada, jumlah pelajar dan banyak lagi. Turut dibincangkan adalah program-program yang boleh dilakukan bersama dengan komuniti dengan adanya geran-geran tertentu termasuklah program-program pemerkasaan wanita seperti pendigitalan keterangan peribadi untuk tujuan permohonan pekerjaan, penguasaan perbualan Bahasa Inggeris untuk usahanita serta pemasaran dan penjenamaan.



*Penulis sedang menerangkan kepada YB dan para delegasi tentang program akuaterapi yang dilaksanakan untuk membantu kanak-kanak autisme melancarkan urusan seharian mereka.*

Kunjungan ini turut menyaksikan satu moto yang dicipta secara spontan oleh penulis dan Puan Laili iaitu "Dari Berangan ke Kenyataan" khas kepada YB Nor Hafizah. Perkataan "Berangan" datangnya dari Kawasan Permatang Berangan yang diwakili oleh beliau. Manakala "Kenyataan" pula wujud sempena hasrat agar program yang dibuahkan akan dirangka dan diolah sehingga menjadi kenyataan. Semoga usaha semua pihak akan melantarkan kejayaan.